

D186

U B913 DEB
MAHATHIR - THAI

ALOR SETAR, 3 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, MALAYSIA BERSEDIA MEMBERI KERJASAMA KEPADA THAILAND UNTUK MENYIASAT PUNCA KEMATIAN SECARA TIBA-TIBA DUA PEKERJA NEGARA ITU DI MALAYSIA BARU-BARU INI.

+KERAJAAN SEDANG MENYIASAT PERKARA ITU DAN AKAN MEMBERI KERJASAMA PENUH KEPADA THAILAND,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, DOKTOR-DOKTOR DARI NEGARA INI JUGA BERSEDIA MENOLONG RAKAN-RAKAN SEJAWATAN MEREKA DARI THAILAND BAGI MENGESAN PUNCA KEMATIAN MEREKA.

+KALAU KITA TAHU PUNCANYA, KITA AKAN MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENCEGAHNYA,+ TAMBAH BELIAU.

PASUKAN KHAS KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM THAI, YANG DITUBUHKAN UNTUK MENYIASAT BERATUS-RATUS KES KEMATIAN SECARA +MISTERI+ PEKERJA THAI DI NEGARA ASING, BERADA DI KEDAH SEMALAM DAN PADA HARI AHAD, UNTUK MENYIASAT KEDUA-DUA KES KEMATIAN PEKERJA THAI ITU, YANG DILAPORKAN DI DAERAH PADANG TERAP PADA FEBRUARI LEPAS.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG DI SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI INI.

PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD ALI PULANG KE SINI PETANG SEMALAM UNTUK MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG PUTAT, DALAM DAERAH KUBANG PASU MALAM TADI.
-- LAGI.

1205MST 03 04 90

U B914 DEB
MAHATHIR - THAI 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENGETAHUI MENGENAI KEMATIAN +MISTERI+ ITU MELALUI LAPORAN-LAPORAN AKHBAR.

BELIAU MENYIFATKAN KEMATIAN-KEMATIAN ITU SEBAGAI SANGAT PELIK KERANA MEREKA YANG MATI SEMUANYA MASIH MUDA DAN DIKATAKAN SIHAT SEBELUM MEREKA MENINGGAL DUNIA SEMASA TIDUR.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU JUGA ADA MENDENGAR KEMATIAN YANG SEUMPAMA ITU MELIBATKAN RAKYAT FILIPINA DI LUAR NEGARA.

SEMENTARA ITU, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF BERKATA, KERAJAAN NEGERI TIDAK ADA MENERIMA ADUAN MENGENAI LAYANAN BURUK YANG DITERIMA OLEH PEKERJA THAI, DARIPADA MAJIKAN MEREKA DI NEGARA INI.

+KERANA TIADA ADUAN, SAYA MENGANGGAP KEADAAN MEREKA ADALAH BAIK. SEKIRANYA MEREKA DILAYAN DENGAN BURUK, KITA MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG BURUH YANG SERAGAM. MEREKA YANG MEMBERI LAYANAN BURUK BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN,+ KATANYA.

SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM THAI, ENCIK ONG-ARD KLAMPAIBOON YANG MENINJAU KEADAAN PEKERJA THAI DI PADANG TERAP SEMALAM MENYIFATKAN KEADAAN RUMAH KONGSI YANG DIDIAMI OLEH MEREKA DI SITU, LEBIH BAIK KEADAANYA DARIPADA YANG DIDIAMI OLEH RAKAN-RAKAN MEREKA DI SINGAPURA. -- BERNAMA.

1210MST 03 04 90